

# TPM mahu usahawan guna konsep glokak

BH-28/3/2007.

**K**UALA LUMPUR: Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, mahu usahawan Bumiputera menggunakan konsep glokak sebagai strategi perniagaan untuk lebih berdaya saing pada peringkat antarabangsa serta tidak mudah hilang fokus walaupun selepas meraih kejayaan.

Beliau yang memperkenalkan ungkapan itu pada 2005 berkata, usahawan Bumiputera juga perlu bekerja lebih keras bagi mengukuhkan jenama produk dan kedudukan perniagaan masing-masing.

Beliau yakin, konsep berkenaan akan melahirkan lebih ramai usahawan Bumiputera tempatan sebagai pelaku global dan mendapat pengiktirafan pada peringkat antarabangsa.

“Kita akui banyak syarikat tempatan yang sudah meneroka pasaran antarabangsa tetapi bilangannya sebagai peserta global yang boleh kita banggakan masih kecil.

“Oleh itu, konsep glokak hendaklah dijadikan strategi perniagaan kerana kita mahu jumlah itu melonjak tinggi dan berganda berbanding sekarang,” katanya ketika melancarkan Program Usahawan Glokak Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi di sini semalam.

Program Usahawan Glokak dilancarkan bagi memantapkan usahawan, produk dan syarikat tempatan untuk menguasai pasaran tempatan sehingga antarabangsa.

Najib menggunakan ungkapan glokak yang menuntut individu berakar

nasional dan berakar antarabangsa mengubah paradigma dan melonjakkan diri menembusi pasaran global.

Beliau turut mengingatkan usahawan Bumiputera tidak mudah hilang hala tuju walaupun selepas berada di puncak kejayaan dan bergelar jutawan, sebaliknya perlu menggandakan perolehan pendapatan dan menguasai pasaran antarabangsa.

“Ada yang menyatakan ramai usahawan Melayu mula hilang arah bila bergelar jutawan dan berjaya memiliki banglo, kereta dan bot mewah.

“Sepatutnya, bila sudah capai sasaran perolehan pendapatan yang ditetapkan mereka perlu gandakan sasarannya. Jika sebelum ini sudah dapat RM10 juta perlu tingkatkan ke RM100 juta dan seterusnya,” katanya.

Sementara itu, pada majlis sama Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata kementerianya memperkenalkan tiga pendekatan bagi memasarkan produk berasaskan halal, kecantikan dan herba serta penyediaan makanan.

Menerusi Program Usahawan Glokak syarikat yang menghasilkan produk berkenaan dan berpotensi menembusi pasaran antarabangsa akan dibantu dari segi pemasarannya.

Khaled berkata pihaknya akan memasarkan produk halal menerusi Halmart, manakala produk kecantikan dan herba menggunakan jenama baru ‘Forest Secret’ diikuti produk penyediaan makanan melalui Malaysia Kitchen.